

NO. SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 8.04.2015 (RABU)

UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan yang akan diambil ke atas para peniaga yang menaikkan atau tidak menurunkan harga barang jualan mereka sedangkan Kementerian telah mengarahkan agar berbuat demikian. Dan apakah pula mekanisme yang digunakan untuk mengenal pasti dan mensabitkan mereka dengan kesalahan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian bertanggungjawab mengawal kenaikan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang tidak munasabah melalui pengautkuasaan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**. Akta ini telah dipinda bagi memperkasakan penguatkuasaan dan pindaan Akta tersebut telah **berkuatkuasa pada 1 September 2014**.

Bagi memperkasakan lagi penguatkuasaan, pindaan telah dibuat kepada Akta ke atas **Seksyen 15** dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan satu mekanisme menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan bagi suatu tempoh tertentu. Mekanisme baru ini iaitu **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** telah mula **berkuatkuasa pada 1 Januari 2015**.

Peraturan ini menetapkan peniaga perlu mengekalkan margin keuntungan bersih barang dan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan mulai **2 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016**. Peniaga yang dikesan menaikkan harga yang tidak munasabah akan diberikan Notis untuk mengemukakan justifikasi dan penjelasan di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** mengenai punca kenaikan harga atau caj bagi perkhidmatan yang

tidak munasabah yang telah dikenakan terhadap pengguna. Peniaga yang didapati telah menaikkan kadar margin keuntungan bersih dan gagal untuk mengemukakan justifikasi atau penjelasan serta maklumat atau dokumen tertentu mengikut tempoh masa dan cara yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan tindakan pendakwaan akan diambil.

Kementerian juga telah melancarkan **OPS CATUT** bermula **14 Januari 2015** di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang meliputi **keseluruhan peringkat perniagaan** melibatkan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan seperti pengeluar, pengilang, pembekal, pengedar, pengimport, pemborong dan peruncit bagi memastikan tiada berlakunya pencatutan untuk mengaut keuntungan tinggi yang tidak munasabah dengan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan di pasaran.

Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT** di seluruh negara sehingga 11 Mac 2015, sebanyak **451,794 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh negara dan daripada jumlah ini, sejumlah **2,498 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sejumlah **RM 426,857.00** dan nilai kompaun sejumlah **RM 279,166.00**. Sebanyak **175 Notis** di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan untuk mendapatkan penjelasan dan justifikasi kenaikan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan.